

13/02/2003

Syor lanjut masa belajar dikaji

JITRA: Perdana Menteri berkata kerajaan belum membuat keputusan mengenai cadangan Perlis yang mahu memanjangkan waktu persekolahan di negeri itu untuk membolehkan pelajar mengikuti `kelas tambahan`.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mahu mengkaji cadangan itu terlebih dulu untuk mengetahui maksudnya.

"Kita tengoklah... kita hendak tahulah apa sebenarnya maksud cadangan itu," katanya

Beliau berkata, walaupun kerajaan tidak menghalang kelas tambahan seperti itu diadakan, semua pihak perlu sedar bahawa masa untuk belajar adalah terhad sekali gus perlu menentukan pelajaran yang dituntut membawa manfaat.

"Kalau hendak ada tambahan belajar bahasa Arab atau lain-lain, kita tidak ada halangan tetapi kita harus sedar bahawa masa untuk belajar adalah terhad dan kita perlu tentukan pelajaran yang kita tuntut akan membawa manfaat kepada kita," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas majlis rumah terbuka Aidiladha di Dewan Wawasan di sini, semalam.

Katanya kerajaan juga mengkaji sukatan pendidikan agama bagi memastikan ia mencukupi terutama pada peringkat tinggi.

Selain agama, mata pelajaran lain seperti perubatan, arkitek dan kejuruteraan juga penting bagi memenuhi tuntutan fardu kifayah di dalam masyarakat Islam, katanya.

"Kalau kita keluarkan rakyat yang semuanya arkitek tapi ada rakyat yang tidak tahu kejuruteraan dan sains dan tidak ada rakyat yang boleh buat kerja lain sudah tentulah kita akan menghadapi masalah," katanya.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar semalam yang memetik Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, sebagai berkata kerajaan negeri akan meneruskan cadangan mengadakan `kelas tambahan` di setiap sekolah di negeri itu sehingga jam 4.30 petang bermula 1 Mac ini.

Shahidan juga dilaporkan berkata cadangan itu bukan ideanya, sebaliknya disuarakan Dr Mahathir sebelum ini yang mahu mata pelajaran sekolah agama rakyat (SAR) diajar pada waktu petang di sekolah kebangsaan.

Kementerian Pendidikan mengeluarkan kenyataan ia tidak meluluskan cadangan itu.

Shahidan berkata `kelas tambahan` pada waktu petang itu membabitkan pelajaran seperti bahasa Arab, moral, Fardu Ain dan bahasa Inggeris.

Mengenai kenyataan Shahidan bahawa cadangan itu adalah ideanya, Dr Mahathir berkata:

"Yalah kita ada idea tapi belum bersetuju lagi. Kita masih dalam

perbincangan. Di Johor umpamanya dia ada kelas agama sebelah petang sebagai tambahan kepada pelajaran agama (waktu) pagi. Kita sedang kaji sama ada sistem Johor ini boleh digunakan seluruh negara sebagai satu daripada pendekatan dalam bidang sekolah kebangsaan".

Ditanya kenyataan 'tidak mempunyai halangan' bermaksud Perlis boleh melaksanakannya, Perdana Menteri berkata beliau belum mengetahui apa rancangan kerajaan Perlis itu.

DI KEPALA BATAS (Pulau Pinang), Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Kerajaan Perlis tidak sepatutnya meneruskan cadangan memanjangkan sesi persekolahan di seluruh negeri itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim tidak patut 'buat perkara dengan caranya sendiri'.

"Walaupun ada dasar dan pandangan yang beliau katakan adalah dari Perdana Menteri tapi kalau nak ubah satu peraturan berkaitan Kementerian Pendidikan adalah lebih baik sekiranya dibincangkan dengan kementerian," katanya menghadiri jamuan Aidiladha di Permatang Tok Elong, dekat sini, semalam.

DI KUALA LUMPUR, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, berkata kementerian bertegas tidak membenarkan Perlis meneruskan cadangannya kecuali di sekolah bukan pentadbiran kementerian pendidikan pusat.

Musa berkata, Perlis harus mematuhi peraturan berhubung jadual persekolahan yang ditetapkan kerajaan kecuali mengadakan kelas tuisyen.

Beliau berkata, pelaksanaan waktu persekolahan satu sesi bukan bidang kuasa kerajaan Perlis dan ia perlu mendapat kelulusan kementerian.

"Kementerian tidak bersetuju dengan langkah Perlis melanjutkan waktu persekolahan ini dan tidak membenarkan perkara itu berlaku kerana ia membabitkan sekolah di bawah pentadbiran pusat," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N Siva Subramaniam, berkata isu mengenai waktu persekolahan itu tidak sepatutnya diperbesarkan dan dijadikan perdebatan di antara Menteri Besar Perlis dan Menteri Pendidikan.

Beliau menyarankan, isu itu perlu diselesaikan secara profesional kerana ia hanya membabitkan tindakan daripada segi pentadbiran.